

UPM destinasi Pesona Nona

SERDANG (6 Ogos)- Krew uji bakat 'Pesona Nona' TV 3 berkampung di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mencari bakat baru dalam bidang pengacaraan. Kali ini UPM menjadi destinasi untuk menggilap personaliti yang bakal menyaingi nama besar seperti Normala Samsuddin, Azizah Ariffin dan Norjuma Habib Mohamad yang menghiasi skrin Nona setiap hari minggu.

Menurut pihak penerbitan Nona, UPM menjadi pilihan kerana universiti ini adalah salah satu Institut Pengajian Tinggi Awam yang mempunyai fakulti berkaitan bidang komunikasi massa.

Wakil produksi rancangan 'NONA' Farah Nadia Che Norudin berkata 'Pesona Nona' adalah nama baru menggantikan 'Pengacara Jemputan Nona' (PJN) yang suatu ketika dahulu memang terkenal melahirkan pengacara wanita yang berwibawa.

Katanya, dengan adanya tema baru ini, ianya memberi nafas baru pada pencarian pengacara jemputan bagi program ini.

Dengan penukaran tema nama kali ini adalah sejajar dengan kredibiliti yang dikehendaki oleh pi-

*Oleh: NOOR ESZEREEN JUFERI
Foto: Ahmad Fua'ad Alwi*

hak pengurusan TV3 yang mencari pengacara yang bukan hanya cantik dari segi personalitinya, juga 'cantik' dari segi kriteria pengurusan iaitu berpendidikan, petah berbahasa Inggeris dan berbahasa Melayu serta masih muda.

Sebelum ini, uji bakat ini terbuka kepada orang ramai, tetapi pada kali ini, ianya terbuka kepada para graduan dan pelajar universiti. Kata Nadia, " Kami mencari pelapis, kerana itulah kami meletakkan *limit* pada umur dan kriteria tersebut. Kualiti dan kebijaksanaan adalah diutamakan pada uji bakat musim ini."

Pesona NONA adalah sebahagian daripada aktiviti bagi projek ulang tahun NONA yang ke-20. Uji bakat Pesona NONA telah dijalankan di Institut Pengajian Awam dan juga swasta, di antaranya adalah di Sunway Universiti College, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).



Salah seorang peserta menunjukkan bakat dalam pencarian Pesona Nona TV3 yang diadakan di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.